

# UMNO Perlis diarah buat analisa

KANGAR, Isnin — Menteri Besar Perlis, Haji Ali Ahmad telah mengarahkan semua cawangan UMNO membuat analisa pilihanraya dan melaporkan mana-mana pegawai kerajaan yang 'bermain kayu tiga'.

Belliau member-

itahu, langkah-langkah sedemikian perlu buat menjamin kelicinan perjalanan parti di peringkat tempatan dan secara tidak langsung membantu pucuk pimpinan dalam menjaga kepentingan parti.

Haji Ali berkata demikian di majlis kesyukuran atau kemenangan Barisan

Nasional Negeri dalam pilihanraya lalu yang dihadiri hampir 300 ketua kawasan di rumah tetamu petang semalam.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang juga Ahli Parlimen Kangar, Encik Mohamad Radzi

Tan Sri Sheikh Ahmad, Ahli Parlimen Arau, Dr. Abdul Hamid Pawan Teh dan para anggota Dewan Undangan Negeri.

Haji Ali yang juga bertindak sebagai pengarah dalam pilihanraya tersebut menegaskan kemenangan yang dicapai merupakan satu amanah untuk menyambungkan perkhidmatan kepada rakyat.

Katanya, kemenangan Barisan Nasional Negeri merupakan satu pengharapan rakyat yang inginkan kemajuan yang berterusan.

Bagi memastikan Kerajaan melaksanakan dasarnya bagi mencapai matlamat tersebut, Haji Ali menegaskan rakyat perlu meneliti segala gerak geri perjalanannya.

## Perhatian

"Kalau rakyat terutamanya ahli-ahli parti sayangkan parti, perlulah mereka memberi perhatian terhadap Kerajaan ibarat seorang ayah yang menyayangi anaknya," tegas Haji Ali yang diberi mandat untuk menerajui kerajaan negeri kali ini.

Menteri Besar menerangkan, bagi memastikan kelicinan perjalanan parti, kesemua cawangan UMNO hendaklah menyediakan satu analisa mengenai pilihanraya.

Belliau menambah, tindakan-tindakan pegawai-pegawai kerajaan yang tidak sepatutnya berpolitik hendaklah dilaporkan.

Haji Ali juga Pengerusi Perhubungan Barisan Nasional Negeri berharap ahli-ahli parti bersikap ikhlas dan beramanah bagi membentuk satu pergerakan yang baik.

— Bernama.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia